

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
KAMPUS ANTARABANGSA LABUAN

# 36 peserta Titian Padu Kebangsaan lawat UMS-KAL

NST 22.11.2012 4

LABUAN : Seramai 36 peserta Titian Padu Kebangsaan yang melibatkan pelajar cemerlang dari Semenanjung Malaysia telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Jalan Sungai Pagar, kelmarin.

Mereka terdiri daripada pelajar Tingkatan Empat dari Kelantan, Terengganu, Pahang, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang sedang mengikuti program Integrasi Ilmu Titian Padu peringkat kebangsaan 2012 anjuran Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) Labuan.

Sempena lawatan itu, Penolong Pendaftar Pentadbiran, Noraini Samsu yang mewakili Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali telah menyampaikan taklimat mengenai perkembangan semasa UMS-KAL kepada rombongan tersebut.

Turut menyampaikan taklimat ialah Ahli akademik, Shamsul Bahri Mohd Nasir yang menjelaskan mengenai Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) manakala taklimat mengenai Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) disampaikan pensyarahnya, Nona Masni dan Penolong Pegawai Tadbir, Mohd Mohizam.

Rombongan pelajar yang diiringi pegawai JPNIN itu kemudiannya melawat Tingkat 13 yang menempatkan lokasi melihat anak bulan Ramadan dan meninjau pemandangan indah dan menarik sekitar Wilayah Persekutuan Labuan.

Sepanjang berada di pulau ini, peserta program itu turut mengunjungi jabatan dan agensi kerajaan termasuk Jabatan Pelajaran, Labuan FSA, Kolej Matrikulasi Labuan, JPNIN, Labuan FM dan tempat-tempat menarik dan bersejarah seperti Taman Damai di Layang-Layangan, Chimney di Tanjung Kubong dan Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua di Tanjung Taras.

Mereka juga berpeluang mendalami pembuatan kuih tempatan seperti kelupis, jelurut dan ambuyat serta mengetahui adat resam dan budaya masyarakat tempatan melalui tarian, pakaian dan makanan.

Pengarah JPNIN Labuan, Mimie D Selvakumar berkata antara objektif program itu ialah mengenali adat resam dan cara hidup serta pantang larang kaum-kaum di Wilayah Persekutuan Labuan bagi mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.

Selain itu, katanya, untuk mempertingkatkan interaksi sosial dan menggalakkan percambahan perasaan kekitaan bagi mengukuhkan perpaduan nasional.

Mimie berkata sepanjang berada di sini, mereka tinggal bersama keluarga angkat di Kampung Bukit Kuda.

Beliau berkata majlis penutupan akan diadakan di Fisherman Wharf Jumaat ini yang akan dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan masyarakat setempat dan peserta program. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN**

**MENAKJUBKAN....** Peserta program Integrasi Ilmu bergambar kenangan di perkarangan bangunan UMS-KAL .